

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (LPP)	VERSI BAHASA MALAYSIA
<p>PERINGATAN: Anda diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat dalam Lembaran Pendedahan ini bersama terma dan syarat am dan khusus dalam Borang Permohonan ini. Jika ada terma dan syarat di dalam Lembaran Pendedahan Produk yang tidak difahami, dapatkan nasihat bebas dan/atau berbincang lebih lanjut dengan Pihak Bank.</p>	<p>Bank : Affin Islamic Bank Berhad Produk :</p> <ul style="list-style-type: none"> • AKAUN SIMPANAN AFFIN GROW-i • AFFIN BARAKAH CHARITY ACCOUNT-i • A1ADDIN eSAVER-i • AFFIN SCHOLAR-i • AFFIN SAVINGS VAULT-i • AFFIN FLEXIBLE SAVINGS PLAN-i • AKAUN SIMPANAN-i AFFIN KENYALANG • MANA-MANA AKAUN SIMPANAN-i LAIN YANG DITAWARKAN DI BAWAH KONSEP TAWARRUQ
1. APAKAH PRODUK INI?	
Ini ialah akaun simpanan yang ditawarkan oleh pihak Bank kepada Pelanggan untuk meletakkan dana mereka dan mengakses dana tersebut apabila diperlukan. Produk ini memberi pulangan tetap kepada Pelanggan. Produk ini adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.	
2. APAKAH KONSEP SYARIAH YANG TERLIBAT DENGAN PRODUK INI?	
a) Tawarruq Tawarruq terdiri daripada dua kontrak jual beli di mana Pelanggan (diwakili oleh Bank sebagai ejen pembelian mereka) akan membeli Komoditi patuh Syariah tertentu daripada Pembekal Komoditi pada Harga Belian (bersamaan dengan jumlah deposit) dan menjual Komoditi (diwakili oleh Bank yang bertindak sebagai ejen mereka) kepada Bank sendiri pada harga jualan lebih tinggi (Harga Jualan) atas dasar pembayaran tertunda. Selepas itu, Bank akan menjual Komoditi kepada pihak ketiga pada Harga Belian secara tunai dan segera.	
b) Wakalah Bank akan menggunakan mekanisme dwi-agensi di bawah konsep Wakalah. Pelanggan melantik Bank sebagai ejen Pelanggan untuk membeli Komoditi daripada Pembekal Komoditi pada Harga Belian dan seterusnya menjual Komoditi kepada Bank bagi pihak Pelanggan untuk melengkapkan transaksi Tawarruq.	
c) Wa'd Di bawah konsep Syariah Wa'd, Bank berjanji untuk membeli daripada Pelanggan satu komoditi patuh Syariah tertentu ("Komoditi" terdiri daripada minyak sawit mentah (MSM), getah atau mana-mana komoditi lain seperti yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi) setelah penyempurnaan pembelian Komoditi bagi pihak Pelanggan daripada Pembekal Komoditi pada Harga Belian (bersamaan dengan jumlah deposit).	
3. APAKAH CIRI-CIRI PRODUK INI?	
AKAUN SIMPANAN AFFIN GROW-i	BUTIRAN
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> • Terbuka kepada pemastautin dan bukan pemastautin
Jenis Akaun	<ul style="list-style-type: none"> • Akaun persendirian - Akaun individu atau Bersama dan akaun minor • Akaun Luar (Individu sahaja) • Akaun kelab, persatuan dan institusi
Amaun deposit permulaan untuk pembukaan	RM 100.00
Baki Minimum	RM 10.00
AFFIN BARAKAH CHARITY ACCOUNT-i	BUTIRAN
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> • Terbuka kepada pemastautin dan bukan pemastautin
Jenis akaun	<ul style="list-style-type: none"> • Akaun persendirian - Individu (12 tahun ke atas) atau bersama dan akaun minor (12 tahun ke bawah) • Akaun Luar (Individu sahaja) • Akaun kelab, persatuan dan institusi
Amaun deposit permulaan untuk pembukaan	RM 100.00
Baki minimum	RM 10.00
Lain- Lain	<ul style="list-style-type: none"> • Akaun simpanan yang mengandungi unsur kebajikan – "Simpan dan Derma", sebahagian atau keseluruhan daripada keuntungan Pelanggan (jika ada) akan disumbangkan bagi tujuan kebajikan dan dana kebajikan tersebut kemudiannya diagihkan dan diuruskan berdasarkan Polisi Dana Kebajikan pihak Bank yang boleh didapati di laman web bank. • Pelanggan diberi kelonggaran untuk memilih dan menukar peratusan sumbangan (sama ada 25%, 50%, 75% atau 100%) atau mana-mana peratusan lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
A1ADDIN eSAVER-i	BUTIRAN
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> • Terbuka kepada pemastautin dan bukan pemastautin berumur 18 tahun ke atas.
Jenis Akaun	<ul style="list-style-type: none"> • Akaun persendirian - Akaun individu (Akaun bersama tidak dibenarkan)
Amaun deposit permulaan untuk pembukaan	RM 20.00
Baki Minimum	RM 20.00

AFFIN SCHOLAR-i	BUTIRAN						
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> Terbuka kepada pemastautin dan bukan pemastautin (Pelajar berumur 18 hingga 30 tahun). Pelanggan dikehendaki memberikan bukti kepada Bank mengenai status pelajar sebagai contoh Surat Tawaran Pendidikan, Pengesahan daripada Institusi Pembelajaran mengenai status pelajar dan sebarang dokumen lain (jika diperlukan oleh Bank). 						
Jenis akaun	Akaun persendirian - Individu						
Amaun deposit permulaan untuk pembukaan	RM 20.00						
Baki Minimum	TIADA						
Lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> AFFIN Scholar-i anda akan ditukar secara automatik menjadi akaun Simpanan AFFIN Grow-i satu (1) bulan selepas tarikh anda mencapai umur 31 tahun. Ilustrasi mengenai penukaran produk adalah seperti berikut: <p>Ilustrasi:</p> <table border="1"> <tr> <td>Tarikh Lahir Pelanggan</td><td>1 Disember 1998</td></tr> <tr> <td>Tarikh Pelanggan mencapai umur 31 tahun</td><td>1 Disember 2029</td></tr> <tr> <td>Tarikh penukaran akaun (daripada AFFIN Scholar-i kepada Akaun Simpanan AFFIN Grow-i)</td><td>1 Januari 2030</td></tr> </table> <ul style="list-style-type: none"> Selepas penukaran akaun daripada AFFIN Scholar-i kepada Simpanan AFFIN Grow-i, akaun tersebut akan dikawal oleh terma dan syarat akaun Simpanan AFFIN Grow-i. Kad Debit Visa AFFIN Scholar-i khusus - Nikmati pilihan bebas hutang yang selamat untuk perbelanjaan tanpa tunai serta pelbagai diskon dan promosi. 	Tarikh Lahir Pelanggan	1 Disember 1998	Tarikh Pelanggan mencapai umur 31 tahun	1 Disember 2029	Tarikh penukaran akaun (daripada AFFIN Scholar-i kepada Akaun Simpanan AFFIN Grow-i)	1 Januari 2030
Tarikh Lahir Pelanggan	1 Disember 1998						
Tarikh Pelanggan mencapai umur 31 tahun	1 Disember 2029						
Tarikh penukaran akaun (daripada AFFIN Scholar-i kepada Akaun Simpanan AFFIN Grow-i)	1 Januari 2030						
AFFIN SAVINGS VAULT-i	BUTIRAN						
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> Terbuka kepada pemastautin dan bukan pemastautin berumur 18 tahun ke atas 						
Jenis Akaun	Akaun persendirian						
Amaun deposit permulaan untuk pembukaan	RM 100.00						
Baki Minimum	RM 10.00						
Lain - lain	<ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran hanya boleh dibuat di kaunter cawangan dengan pengesahan identiti pelanggan. Produk ini tidak disertakan dengan Kad Debit Visa AFFIN. Produk ini tersedia dalam perbankan internet runcit (RIB) untuk sebarang transaksi kredit dan melihat maklumat akaun sahaja. 						
AFFIN FLEXIBLE SAVINGS PLAN-i	BUTIRAN						
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> Terbuka kepada pemastautin dan bukan pemastautin Hanya kepada pelanggan yang menyertai penyertaan kempen 						
Jenis Akaun	<ul style="list-style-type: none"> Akaun persendirian - Akaun individu atau Bersama dan akaun minor Akaun Luar (Individu sahaja) 						
Amaun deposit permulaan untuk pembukaan	RM 100.00						
Baki Minimum	RM 100.00						
Lain-lain	Produk ini adalah berasaskan kempen yang direka bentuk untuk menyokong dan mempromosikan kempen deposit yang ditawarkan oleh bank.						
AKAUN SIMPANAN-i AFFIN KENYALANG	BUTIRAN						
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> Individu berumur 18 tahun dan ke atas, termasuk Akaun Bersama Pemastautin dan Bukan Pemastautin "Anak Sarawak (MyKad dengan "K"); Atau Individu yang beralamat di Sarawak 						
Amaun deposit permulaan untuk pembukaan	<ul style="list-style-type: none"> Tiada deposit permulaan diperlukan pada masa pembukaan akaun. Pelanggan diberi tempoh tangguh 90 hari untuk membuat deposit awal ke dalam akaun. 						
Baki Minimum	<ul style="list-style-type: none"> Tiada baki minimum diperlukan untuk dikekalkan dalam akaun. 						
Lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan dikehendaki mengemukakan bukti status mereka kepada Bank. Dokumen yang boleh diterima termasuk: <ul style="list-style-type: none"> Surat pendidikan, Pengesahan status daripada institusi pengajian, Kad Pengenalan Pelajar (Kad Matriks), Bil utiliti (cth, bil elektrik, bil air, bil telefon), Perjanjian pajakan, Surat pekerjaan, Penyata bank; atau Sebarang dokumen lain seperti yang dikehendaki oleh Bank. 						

4. APAKAH TERMA DAN SYARAT UTAMA?

A. Pelantikan Ejen bagi Perdagangan Komoditi Murabahah

- (a) Pelanggan bersetuju untuk melantik pihak Bank dan pihak Bank bersetuju untuk menerima pelantikan sebagai ejen Pelanggan untuk melakukan dan melaksanakan pembelian dan penjualan Komoditi mengikut terma dan syarat ini. Bank diberi kuasa oleh Pelanggan untuk berunding dengan, termasuk tetapi tidak terhad pada peniaga Komoditi, firma perindustrian, pembekal mereka dan pelanggan mereka bagi pihak Pelanggan berhubung dengannya.
- (b) Sebaik sahaja menandatangani borang pembukaan akaun dan lain-lain dokumen:
 - (i) Pada hari berikutnya, Pelanggan membayar Harga Belian Komoditi kepada Bank (bersamaan dengan setiap deposit diletakkan ke dalam akaun).
 - (ii) Pihak Bank sebagai Ejen kepada Pelanggan pada Hari Perniagaan berikutnya (seperti yang ditakrifkan di Perenggan B, perkara (d) dalam Transaksi Komoditi Murabahah) memasuki transaksi Komoditi Murabahah.
 - (iii) Sebagai ejen kepada Pelanggan, pihak Bank membeli komoditi tertentu secara tunai pada Harga Belian daripada Komoditi Broker A.
 - (iv) Pihak Bank (sebagai ejen Pelanggan), kemudiannya menjual Komoditi tersebut kepada pihak Bank secara bayaran tertangguh pada Harga Jualan.
 - (v) Pihak Bank kemudian menjual Komoditi tersebut kepada Komoditi Broker B secara tunai dan segera.
 - (vi) Pada tarikh matang, pihak Bank membayar Harga Jualan kepada Pelanggan (dengan mengambil kira sebarang rebat, jika ada).
- (c) Pihak Bank akan memasuki setiap transaksi atas nama Pelanggan dengan pendedahan sepenuhnya. Pihak Bank sebagai ejen Pelanggan akan bertindak dengan niat baik dan kepentingan terbaik pelanggan sementara melaksanakan kewajiban dan dalam mengendalikan transaksi.
- (d) Pihak Bank akan diberi kuasa untuk mewakilkan hak dan tugas-tugasnya sebagai ejen Pelanggan di sini kepada mana-mana pihak ketiga untuk melakukan semua tindakan yang diperlukan untuk menyelesaikan transaksi yang diperlukan.

B. Transaksi Komoditi Murabahah

- (a) Pihak Bank akan memasuki transaksi Komoditi Murabahah berdasarkan amaun Deposit Bersih Harian seperti dalam senario berikut:
 - (i) Baki Penghujung Hari ("BPH") pada hari pembukaan akaun.
 - (ii) Sebarang peningkatan deposit pada baki BPH pada mana-mana hari, tidak termasuk cek terapung.
 - (iii) Baki BPH pada 31 Disember setiap tahun kalender.
- (b) BPH merujuk kepada baki akaun pada jam 2359 pada mana-mana hari kalender.
- (c) Transaksi Komoditi Murabahah akan berlaku setiap hari pada Hari Perniagaan berikutnya selepas peletakan deposit (T+1).
- (d) Untuk tujuan transaksi Komoditi Murabahah, terma "Hari Perniagaan" bermaksud hari kalender tidak termasuk hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- (e) Tempoh masa akan bermula dari tarikh peletakan deposit hingga 31 Disember pada setiap tahun kalender ("Tarikh Matang").
- (f) Pada Tarikh Matang, pihak Bank akan melaburkan semula BPH baki kredit di dalam Akaun Pelanggan dan akan memasuki Transaksi Komoditi Murabahah baharu untuk satu tempoh yang akan matang pada 31 Disember pada tahun kalender berikutnya.

C. Deposit Cagaran (Hamish Jiddiyah)

- (a) Hamish Jiddiyah adalah jumlah deposit cagaran yang Bank akan dikreditkan ke akaun Pelanggan pada Hari Kredit Keuntungan. Pada Hari Kredit Keuntungan, jumlah keuntungan terakru untuk tempoh tertentu akan dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan sebagai penyelesaian sebahagian/penuh Harga Jualan oleh Bank bagi transaksi Murabahah untuk tempoh tersebut.
- (b) Hamish Jiddiyah merujuk kepada apa-apa amaun yang dikreditkan ke dalam Akaun Pelanggan sebelum transaksi Komoditi Murabahah.
- (c) Hamish Jiddiyah diberikan sebagai jaminan dari Bank kepada Pelanggan untuk membeli Komoditi dari Pelanggan pada Tarikh Pembelian tersebut.
- (d) Deposit cagaran adalah berdasarkan formula berikut:

$$\text{Deposit Cagaran} = \frac{\text{Baki BPH} \times \text{KKE} \times n}{365 \text{ atau } 366^*}$$

Yang mana;

KKE = Kadar Keuntungan Efektif

n = Bilangan hari sebelum Perdagangan Komoditi yang berlaku sebelum Hari Kredit Keuntungan, tertakluk pada hari tidak bekerja.

**Bank boleh menggunakan 366 semasa tahun lompat.*

- Pelanggan tidak boleh menggunakan Hamish Jiddiyah sebelum Perdagangan Komoditi.
- Hamish Jiddiyah hendaklah dikembalikan kepada pihak Bank sekiranya transaksi Komoditi Murabahah tidak berlaku seperti penutupan akaun sebelum Perdagangan Komoditi.
- Sebaik sahaja Perdagangan Komoditi dilakukan, Hamish Jiddiyah akan ditolak selesai daripada sebahagian Harga Jualan.

D. Pengiraan Keuntungan

- (a) Harga Jualan dikira berdasarkan formula berikut:

$$\begin{aligned} \text{Harga Jualan} &= \text{Harga Beli} + \text{Keuntungan Kontrak} \\ \text{Yang mana;} \end{aligned}$$

Harga Jualan	= jumlah yang perlu dibayar oleh Bank untuk memperoleh Komoditi daripada Pelanggan atas dasar tertangguh yang terdiri daripada harga pembelian komoditi (deposit bersih harian) dan keuntungan kontrak.
Harga Belian	= jumlah yang bersamaan dengan Deposit Bersih Harian pelanggan (seperti yang dinyatakan dalam Perenggan B perkara (a) Transaksi Komoditi Murabahah) yang akan digunakan untuk membeli Komoditi pada hari dagangan.

(b) Keuntungan Kontrak dikira berdasarkan formula berikut:

- (i) Dagangan Tahunan untuk BPH sehingga 31hb Disember (dan tahun-tahun berikutnya)

$$\text{Keuntungan Kontrak} = \frac{\text{BPH Hari Bagi Tahun} \times \text{KKK} \times \text{Tempoh (dalam hari)}}{365 \text{ atau } 366^*}$$

*Bank boleh menggunakan 366 semasa tahun lompat.

- (ii) Pengiraan dagangan harian untuk sebarang Deposit Bersih Harian yang positif

$$\text{Keuntungan Kontrak} = \frac{\text{Deposit Bersih Harian} \times \text{KKK} \times \text{Tempoh (dalam hari)}}{365 \text{ atau } 366^*}$$

Yang mana;

KKK = Kadar Keuntungan Kontrak

*Bank boleh menggunakan 366 semasa tahun lompat.

- (iii) Keuntungan sebenar akan terakru setiap hari (termasuk cek terapung*) dan dibayar pada hari terakhir setiap bulan calendar (Hari Kredit Keuntungan). Keuntungan Sebenar adalah berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif ("KKE") seperti formula berikut:

$$\text{Keuntungan Sebenar} = \frac{\text{Baki BPH} \times \text{KKE} \times \text{Bilangan hari}}{365 \text{ atau } 366^*}$$

*Bank boleh menggunakan 366 semasa tahun lompat.

* Sekiranya cek dikembalikan, Bank akan membuat pelarasan pada keuntungan sebenar harian yang terakru dalam akaun Pelanggan.

- Bank akan menentukan KKE dan KKK dari semasa ke semasa dengan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan. Notis akan dipamerkan di AffinAlways.com dan juga tersedia di mana-mana cawangan Bank. KKE yang diisyiharkan oleh Bank adalah bersamaan dengan kadar semasa Bank. Untuk KKK akan dikira berdasarkan yang berikut:
 - ❖ Untuk satu kadar rata, KKK akan berdasarkan kepada KKE.
 - ❖ Untuk kadar keuntungan berperingkat, KKK akan dikira pada kadar tertinggi KKE.
- Apa-apa keuntungan berlebihan/tambahan yang dibayar oleh Bank hendaklah dianggap sebagai hadiah (hibah).

E. Rebat (Ibra')

- (a) Pelanggan bersetuju untuk memberikan rebat (Ibra') ke atas mana-mana bahagian keuntungan yang terakru dan/atau tidak terakru tertakluk kepada kejadian tertentu termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (i) Pengeluaran dana sebelum matang
 (ii) Penamatan/Penutupan akaun

- (iii) Perbezaan antara KKK dan KKE pada tarikh matang, memandangkan Harga Jualan adalah dikira menggunakan KKK yang melebihi keuntungan agregat sepanjang tahun yang mana dikira menggunakan KKE berdasarkan kepada formula berikut:

Formula: Agregat Keuntungan Kontrak – Agregat Keuntungan Sebenar Yang Dibayar

F. Penyata Akaun dan Notis Tawarrug

- (a) Penyata akaun akan diberikan sekali sebulan atau pada kekerapan lain yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- (b) Notis Tawarrug akan disediakan apabila diminta oleh Pelanggan. Notis ini terdiri daripada:
- (i) Urus niaga Komoditi Murabahah untuk bulan tersebut
 - (ii) Harga Jualan
 - (iii) Keuntungan Kontrak bagi Tahun Semasa
 - (iv) Keuntungan Sebenar Yang Dibayar bagi Tahun Semasa
- (c) Pelanggan boleh meminta Notis Tawarrug tersebut di cawangan-cawangan kami di seluruh negara semasa waktu pejabat. Pihak Bank akan menghantar Notis Tawarrug tersebut melalui e-mail Pelanggan atau melalui khidmat pos kepada alamat terakhir Pelanggan dalam masa lima (5) hari perniagaan dari tarikh permohonan tersebut.

G. Maklumat tambahan untuk AFFIN Barakah Charity Account-i

Pelanggan memberi kuasa kepada pihak Bank sebagai ejen (Wakeel) melalui arahan bertulis untuk menolak keseluruhan atau sebahagian dari keuntungan (jika ada) yang diperolehi untuk disumbangkan bagi tujuan kebajikan; dan kemudianya menyalurkan dan menguruskan dana kebajikan tersebut berdasarkan Polisi Dana Kebajikan pihak Bank.

5. APAKAH FI DAN CAJ YANG PERLU SAYA BAYAR?

- Fi Wakalah (Broker) – RM2.00 bagi setiap RM1 juta pada kadar pro-rata. Fi Broker ini akan dikongsi sama rata antara Bank dan Pelanggan. Walau bagaimanapun, fi ini pada masa ini adalah dikecualikan oleh pihak Bank.
- Untuk fi dan caj lain yang berkaitan dengan produk ini, sila layari [AffinAlways.com](#) → Lain-lain → Fi & Caj → Islamik → Deposit → Akaun Simpanan-i

6. APAKAH RISIKO UTAMA YANG BERKAITAN DENGAN PRODUKINI?

Sekiranya akaun ditutup dalam enam (6) bulan dari masa pembukaan, yuran sebanyak RM20.00 akan dikenakan.

7. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT PERUBAHAN PADA MAKLUMAT PERHUBUNGAN Saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami sebarang perubahan maklumat peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Pemberitahuan itu mestilah secara bertulis dan e-mel atau melalui serahan tangan kepada mana-mana cawangan Bank.

8. DIMANA KAH BOLEH SAYA DAPATKAN MAKLUMAT SELANJUTNYA?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk ini, sila rujuk maklumat produk yang tersedia di semua cawangan Bank, atau layari [AffinAlways.com](#).
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Panggilan kami di 03-8230 2222, atau e-melkan kepada yourvoice@affingroup.com

Maklumat yang dinyatakan dalam lembaran pendedahan ini sah dari **15 APRIL 2025**.